



CEMERLANG...Fauziah (kanan) dan Lijawati menunjukkan anugerah yang diterima.

# Berkat tekun

Resipi kejayaan dua pelajar terima Anugerah Pingat Jaya Cemerlang



>>Oleh Faizatul Farlin  
Farush Khan

ffarlin@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Kejayaan dalam bidang pendidikan tidak datang bergolek, sebaliknya usaha tanpa jemu dan konsisten mampu membuahkan keputusan terbaik dalam bidang yang diambil seterusnya membuka peluang pekerjaan lebih cerah.

Berpegang pada kepercayaan itu, pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fauziah Hassan, 25, berjaya merangkul Anugerah Pingat Jaya Cemerlang selepas berjaya mencatat purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.87.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) itu berkata, dia tidak pernah mengabaikan pelajaran selain sering melakukan ulang kaji biarpun subjek itu belum diajar di dalam kelas.

"Ketika dalam kelas, saya sentiasa beri perhatian penuh dan jika mempunyai sebarang ke-

musykilan, saya terus tanya tanpa menundanya kerana dengan itu saya lebih memahami apa yang diajar pensyarah," katanya selepas menerima anugerah yang disampaikan di Majlis Konvokesyen ke-6 USIM, di sini, baru-baru ini.

Anak bongsu daripada tiga beradik menyimpan impian untuk menjadi seorang pensyarah.

Fauziah yang berasal dari Batu Pahat, Johor turut menerima wang tunai RM2,500, sijil dan pingat.

Sementara itu, pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Korporat Muda, Lijawati Daud, 23, berkata kunci kejayaannya dalam bidang pelajaran banyak bergantung kepada semangat tidak mudah menyerah kalah.

Dia yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja, juga tidak pernah ponteng kelas selain mempunyai matlamat jelas mengenai apa yang ingin dicapai dalam hidup.

"Saya juga mengamalkan rehat yang cukup dengan mendapatkan tidur lena setiap hari, makan makanan berkhasiat dan belajar dalam keadaan gembira supaya dapat lebih fokus," katanya yang berjaya mencatat keputusan PNGK 3.84.